



Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang ingin mempelawa individu-individu yang berkelayakan, dinamik dan pengalaman luas bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

IJAZAH SARJANA MUDA/ IJAZAH SARJANA MUDA KEPUJIAN

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL KEKOSONGAN

PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F9 (KONTRAK) 1

Syarat Kelayakan Minimum:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur sekurang-kurangnya 28 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - i. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; **atau**
 - ii. Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
 - iii. Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGASAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F9 (KONTRAK) DI UNIT DIGITAL NEGERI PAHANG

1. Menjalankan tugas sebagai urus setia kepada Majlis Digital Negeri Pahang dan urus setia kepada Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan.
2. Menyediakan dan membentangkan laporan status pelaksanaan inisiatif digital dalam Pelan Digital Negeri Pahang kepada Majlis Digital Negeri Pahang.
3. Memantau dan menilai perkembangan pelaksanaan dan melakukan penambahbaikan serta tindakan progresif dalam meminimumkan permasalahan perkara berbangkit bagi setiap inisiatif digital.
4. Memperhalusi dan mencadangkan penetapan KPI bagi setiap peneraju inisiatif digital.
5. Menguruskan penyediaan mekanisma pemantauan pelaksanaan atau KPI secara atas talian.
6. Menguruskan penyimpanan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Majlis Digital Negeri Pahang dengan sistematik dan selamat.
7. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh jabatan dari semasa ke semasa.

KRITERIA TAMBAHAN

1. Mahir bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
2. Pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengurusan dan perancangan projek ICT.
3. **Keutamaan bagi calon yang memiliki pengalaman dalam membangun dan menyelenggara sistem aplikasi atau portal yang berkaitan pengurusan projek ICT.**

Calon-calon yang berminat dan memenuhi kelayakan boleh mengemukakan surat permohonan beserta RESUME dan Salinan sijil-sijil yang berkaitan bagi tujuan yang dipohon.

CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Peluang kerjaya dalam Perkhidmatan Awam Negeri Pahang, dipelawa kepada Warganegara Malaysia **khususnya warga Negeri Pahang** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan **kontrak** ini.

Sila kemukakan permohonan kepada:

**Unit Pembangunan Organisasi,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang,
Tingkat 2, Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 KUANTAN**

atau emel ke: pobpsm@pahang.gov.my

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA ATAU SEBELUM
13 JANUARI 2025 (ISNIN) JAM 11.59 MALAM.**